



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**TYT TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK,  
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**HARI ANUGERAH KECEMERLANGAN MURID SMK (P) ST GEORGE**

**PADA 2 NOVEMBER 2022 (RABU) JAM 9:00 PAGI  
DI SMK (P) ST GEORGE, JALAN MACALISTER, PULAU PINANG**

*Bismillahirrahmanirrahim*

**YBhg Tuan Haji Wan Sajiri bin Wan Hassan**

Timbalan Pengarah Sektor Perancangan & Pengurusan

Mewakili Pengarah Pendidikan Negeri Pulau Pinang,

**YBhg Tuan Yusof bin Shaari**

Pegawai Pendidikan Daerah Timur Laut,

**Yang Berusaha Puan Athiyah binti Abd Razak**

Pengetua SMK (Perempuan) St. George,

**Yang Berusaha Puan Nur Akmar binti Idris**

Yang Dipertua Persatuan Ibu bapa dan Guru,

Para Pelajar, Ibu Bapa, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati  
sekalian,

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan izin-Nya, saya dapat menghadiri Majlis Hari Anugerah Kecemerlangan Murid untuk meraikan kejayaan puteri-puteri Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) St George pada pagi yang mulia ini.

2. Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Pengetua dan PIBG Sekolah St George di atas jemputan untuk saya memberi sedikit ucapan dan merasmikan Hari Anugerah Kecemerlangan Murid bagi sesi persekolahan 2022.

3. Ucapan tahniah saya tujukan kepada semua warga sekolah yang terlibat atas usaha menjayakan Majlis yang sungguh bermakna ini.

4. Kepada murid-murid yang diraikan pagi ini, saya ucapkan syabas atas kejayaan cemerlang yang dicapai, bukan sahaja dalam bidang kurikulum dan kokurikulum, malah dalam pembangunan sahsiah diri. Segala penat lelah siang dan malam menelusuri ilmu telah terbukti dengan kejayaan murid-murid sekalian pada hari istimewa ini. Seperti kata peribahasa Melayu “Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian”.

5. Saya doakan agar murid-murid sekalian akan terus mengekalkan kecemerlangan yang dikecapi malah menjadikan kejayaan ini sebagai pemangkin dan titik permulaan untuk mencapai lebih banyak kejayaan pada masa hadapan. Perlu diingat bahawa murid-murid masih muda. Perjalanan anda semua masih jauh dan perlu melalui liku-liku hidup serta ranjau berduri dalam dunia yang semakin mencabar kini. Harapan saya ialah murid-murid sekalian akan menjadi modal insan kelas pertama yang dapat memberi sumbangan bermakna kepada negara apabila dewasa nanti, selari dengan cogan kata, “Pemuda harapan bangsa, Pemuda tiang negara.”

6. Kepada ibu bapa sekalian, anda sebenarnya adalah ibu bapa yang sungguh hebat dalam mendidik anak dan patut berbangga hari ini. Segala pengorbanan, kesabaran dan susah payah anda setiap hari bagi membesarkan dan memastikan anak-anak dapat menuntut ilmu di sekolah telah membuahkan hasil yang diidamkan. Kejayaan mereka sebenarnya adalah juga kejayaan bersama ibu bapa dalam mendidik anak-anak sehingga mencapai kecemerlangan yang diharapkan.

7. Saya berharap ibu bapa semua tidak berputus asa dan terus memberi dorongan kepada anak-anak untuk menuntut ilmu dan mengejar kejayaan demi kejayaan. Ibu bapa juga haruslah bekerjasama dengan pihak sekolah dan guru-guru melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang patut berfungsi “Bagai aur dengan tebing” untuk menyokong antara satu sama lain demi kemajuan sekolah dan murid-murid keseluruhannya.

8. Kepada pentadbir, tenaga pengajar dan guru-guru sekolah St George sekalian, ingin saya tekankan bahawa anda semua merupakan insan yang bertanggungjawab dalam melahirkan insan yang berpotensi menjadi generasi peneraju masa hadapan. Guru yang berperanan sebagai arkitek ilmu dan pembina tamadun bangsa sering dikaitkan dengan lilin yang membakar diri demi menerangi orang lain. Para pendidik hari ini menghadapi pelbagai cabaran bagi membangunkan murid melalui Dasar Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Negara.

Oleh sebab itu, pendidik mestilah berusaha meningkatkan kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran agar ilmu yang disampaikan dapat difahami malah dipraktikkan oleh murid-murid dalam kehidupan mereka. Pendidik harus menggunakan kaedah dan trend terkini dalam meningkatkan kualiti pengajaran selari dengan kecanggihan teknologi pada masa ini. Selain itu, guru-guru mestilah sentiasa berusaha meningkatkan ilmu serta kemahiran diri agar pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dengan menarik dan berkesan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

9. Seiring dengan peredaran zaman, semua pihak harus sedar bahawa sistem pendidikan global mengalami banyak perubahan. Murid-murid perlu menguasai pelbagai jenis ilmu bagi mempersiapkan diri menghadapi cabaran di peringkat global dan global. Namun, perlu diingat, ketinggian ilmu semata-mata tidak menjadi seimbang jika tidak disemat dengan keperibadian yang unggul. Adalah penting murid-murid diberi pendidikan yang holistik dalam sistem pendidikan negara yang mampu melahirkan modal insan yang berdaya saing dan berketerampilan sebagai generasi pewaris negara.

Bagi memastikan hasrat ini tercapai, jasa dan pengorbanan para pendidik dan guru bagi memikirkan pelbagai cara untuk mencurahkan ilmu kepada murid-murid tanpa mengira masa dan tenaga adalah amat disanjung tinggi. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua warga guru SMK (Perempuan) St. George.

10. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima hadiah hari ini serta guru-guru dan seluruh warga sekolah di atas kejayaan menganjurkan majlis yang bersejarah ini.

11. Dengan ini dan dengan lafaz, *Bismillahirrahmannirahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Hari Anugerah Kecemerlangan Murid Tahun 2022 SMK (Perempuan) St. George.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahitaufik Walhidayah,*

*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*